



16 FEB, 2021

Pekebun pelbagaikan produk berasaskan nanas

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pekebun pelbagaikan produk berasaskan nanas

Batu Pahat: Pekebun nenas moris di sini, mengambil inisiatif lebih agresif untuk memasarkan hasil tanaman bagi mengelak lambakan buah tidak terjual, sekali gus merugikan mereka.

Bagi Mohd Farid Mohd Yusoff, 31, dia berusaha menjual hasil nenas diusahakan dengan mempergiatkan lagi pasaran di sekitar kawasan setempat.

Susulan itu, katanya, pihaknya mengeluarkan produk kecil-kecilan berasaskan nenas seperti buah potong segar dan halwa nenas mengikut selera masyarakat tempatan, selain memasarkannya menerusi media sosial.

"Saya juga berterima kasih kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang turut memberi bantuan dan mempromosikan hasil tanaman nenas pekebun," katanya.

Sebelum ini, isu pekebun nenas moris yang berdepan masalah menjual hasil pertanian mereka hingga mengalami kerugian dan



Mohd Farid menunjukkan nenas moris dari kebunnya di Batu Pahat. (Foto Essa Abu Yamin /BH)

pada masa sama, kerajaan dikatakan tidak mengambil sebarang tindakan untuk menangani masalah berkenaan, tular di media sosial.

Pekebun, Mohd Apandi Mu-

haral, 49, pula berkata pasaran nenas ketika ini masih stabil mengikut jenis nenas dan masih dapat memenuhi pasaran tempatan dan luar.

Beliau berkata, tidak dinafikan

nanas moris agak kurang mendapat sambutan daripada segi pemasaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika ini.

"Sebelum ini, saya menjual nenas moris kepada orang ramai yang mengadakan majlis kenduri kendara, sektor perhotelan dan restoran, namun disebabkan kekangan pelaksanaan PKP, sebahagian bekalan nenas yang ada tidak dapat dipasarkan secara menyeluruh.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal, berkata masalah pasaran nenas moris dilaporkan hanya berlaku di daerah Batu Pahat, Kluang dan Pontian, membabitkan sebilangan pekebun nenas moris.

"Ia berlaku kerana pembatalan pembelian oleh pihak pemborong terhadap pekebun mengikut jadual pengeluaran yang ditetapkan dan mengakibatkan nenas tidak dapat dijual seperti biasa.

"Pihak LPNM bersama FAMA sudah mengambil langkah proaktif dengan melakukan pemantauan awal terhadap pekebun di lapangan," katanya dalam kenyataan di sini.

Sahrudin berkata, LPNM juga menawarkan inisiatif bantuan pasaran kepada pekebun terjejas dengan pembelian oleh pihak FAMA dan pepadanan bersama pihak kilang pengetinan.

"Pihak LPNM dan FAMA akan mengadakan rundingan dengan pihak kilang pengetinan dan melaksanakan pepadanan pasaran dengan pihak pemborong serta peruncit yang memerlukan.

"Perkara ini masih dalam kawalan kerana pengeluaran nenas adalah secara berjadual dan berperingkat serta yakin dengan pembukaan sektor ekonomi dan pergerakan lokaliti yang lebih luas secara berperingkat, ia dijangka dapat memberi kesan pasaran yang positif bagi pasaran buah nenas," katanya.



16 FEB, 2021

Pekebun pelbagaikan produk berasaskan nanas

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Batu Pahat: Pekebun nanas moris di sini, mengambil inisiatif lebih agresif untuk memasarkan hasil tanaman bagi mengelak lambakan buah tidak terjual, sekali gus merugikan mereka. Bagi Mohd Farid Mohd Yusoff, 31, dia berusaha menjual hasil nanas diusahakan dengan mempergiatkan lagi pasaran di sekitar kawasan setempat. Susulan itu, katanya, pihaknya mengeluarkan produk kecil-kecilan berasaskan nanas seperti buah potong segar dan halwa nanas mengikut selera masyarakat tempatan, selain memasarkannya menerusi media sosial.